

18 JUN 1997

Mahathir-Hubungan

MALAYSIA-LUBNAN RANGKA TIGA PERJANJIAN GALAKAN PERDAGANGAN

Oleh: Mokhtar Hussain

BEIRUT, 18 Jun (Bernama) -- Malaysia dan Lubnan dijangka menandatangani tiga perjanjian perdagangan sebagai langkah permulaan menggalakkan hubungan yang lebih erat antara sektor swasta kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata ketiga-tiga perjanjian itu perlu bagi mewujudkan keyakinan di kalangan pelabur kedua-dua negara.

Perjanjian berkenaan ialah berkaitan menggelakkan cukai dua kali, penggalakkan dan perlindungan pelaburan dan Peraturan Pembayaran Dua Hala.

Abdullah berkata demikian kepada wartawan Malaysia semasa menjelaskan butiran mengenai perbincangan antara delegasi Malaysia dan Lubnan yang masing-masing diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya Rafic Hariri.

Dr Mahathir kini berada di Lubnan untuk lawatan tiga hari.

"Dr Mahathir dan Hariri yakin ketiga-tiga perjanjian itu dapat mewujudkan keyakinan di kalangan pelabur untuk bekerjasama dan bertukar-tukar pengalaman bagi manfaat bersama," kata Abdullah.

Menurut Abdullah, Perdana Menteri Lubnan ingin melihat lebih ramai pelabur Malaysia menanam modal di negara Asia Barat itu terutama dalam pembangunan infrastruktur seperti jalan bertol, pelabuhan dan tebus guna.

Perdagangan Malaysia-Lubnan ketika ini masih kecil dengan nilai dagangan berjumlah RM55.7 juta tahun lepas.

Selain itu, kedua-dua pemimpin juga berhasrat untuk meningkatkan kerjasama antara syarikat penerbangan kedua-dua negara -- Penerbangan Malaysia (MAS) dan Middle East Airlines -- bagi mendorong sektor pelancongan.

"Mengikuti Hariri, Lubnan mempunyai tarikan yang diminati pelancong sejak sebelum negara itu dilanda perang saudara," katanya.

Selain pantai Mediterranean, Lubnan mempunyai tempat-tempat kesan sejarah serta kawasan pergunungan yang membolehkan permainan ski semasa musim sejuk.

"Saya sendiri yakin sebuah Lubnan yang baru akan muncul tidak lama lagi selepas kerja-kerja pembangunan semula Lubnan siap," kata Abdullah.

MAS ketika ini mengadakan dua penerbangan seminggu ke Beirut manakala Middle East Airlines sekali seminggu ke Kuala Lumpur. -- BERNAMA

MOK FAZ